



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT TERUS PERKUKUH JENAMA SEBAGAI BANK LESTARI

KUALA LUMPUR, 6 JANUARI 2020 – Bank Rakyat hari ini melancarkan Perjalanan Baharu Bank Rakyat dalam Memacu Kelestarian untuk Komuniti, Negara Bangsa dan Planet bagi mengukuhkan penjenamaan sebagai Bank Lestari.

Inisiatif terbaharu ini merupakan salah satu matlamat di bawah pelan hala tuju Bank Rakyat 2025 bagi mengukuhkan pertumbuhannya agar kekal relevan pada masa hadapan serta mencapai kemajuan yang telah disasarkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.

Dalam mengintegrasikan Pelan Kelangsungan Bank Rakyat, visi baharu Bank Rakyat “Untuk Komuniti, Negara dan Planet”, yang memperlihatkan komitmen bank untuk berkhidmat kepada komuniti, membantu kemajuan negara bangsa dan untuk melindungi planet.

Misi baharu Bank Rakyat ‘Untuk menjadi pemangkin global yang diiktiraf untuk pembangunan negara melalui rangkaian perkhidmatan kewangan, berlandaskan nilai Islam, keharmonian masyarakat dan kelestarian’.

Penjenamaan sebagai Bank Lestari ini mencerminkan prospek Bank pada tahun 2025 berdasarkan aspirasi 3P iaitu manusia (*People*), planet (*Planet*) dan kemajuan (*Progress*).

Menurut Menteri Pembangunan Usahawan, YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, inisiatif ini diadakan agar dapat mengintegrasikan kelestarian dalam strategi perniagaan Bank yang bukan sahaja untuk meraih keuntungan tetapi juga pembangunan sosial dan kemakmuran bersama seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



Bank Pilihan Anda

Matlamat kita adalah untuk membangunkan satu sistem perbankan Islam yang efisien, progresif dan komprehensif yang mampu memberi sumbangan kepada keseluruhan proses pertumbuhan dan pembangunan komuniti, negara bangsa dan planet,” katanya.

Sementara itu, menurut Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Noripah Kamsu, tumpuan utama dalam perjalanan baharu ini adalah bagi mempersiapkan Bank dalam menghadapi cabaran terhadap transformasi dalam landskap kewangan Islam yang mana perlu bersepadu dalam arus perdana sistem kewangan global.

“Bank Rakyat akan membawa “ekosistem koperasi” yang unik dibantu oleh sumber kewangan yang kukuh dan pernyataan misi, sebagai tunjang hadapan bagi memacu impak untuk pengiktirafan global”, ujar Datuk Noripah.

Transformasi di Bank Rakyat bersama-sama dengan pakar perunding telah mengadakan lebih daripada 300 sesi perbincangan dengan setiap peringkat Bank dan pihak berkepentingan luar untuk membangunkan satu program pelaksanaan yang diterjemahkan kepada 6 *Blueprints*. Perbincangan ini melibatkan pengumpulan maklumat daripada pihak berkepentingan termasuk ekosistem dalam Kementerian Pembangunan Keusahawanan, 52 sesi program pembangunan kepimpinan, sesi dengan ahli utama untuk input ke atas *Blueprints*, rancangan komunikasi BR25 dan 10 *Townhall* dan *roadshow* Wilayah.

Pelan 5 tahun ini akan menyepadukan 5 teras iaitu pelanggan dan ahli, digitalisasi dan analitik, kolaboratif dan kerjasama, wargakerja dan kelestarian. Teras ini dijangka dapat memberi hasil yang diinginkan ke arah menawarkan kadar keuntungan yang paling kompetitif kepada pelanggan Bank Rakyat.

Datuk Noripah berkata “Pada masa hadapan, bank yang boleh memberikan masa depan yang cerah kepada generasi millennium dan generasi X akan kekal cerah dan relevan.



Bank Pilihan Anda

Pelanggan generasi ini akan melakukan transaksi perbankan dimana-mana sahaja tapi bukan di bank”.

Dengan itu , Bank Rakyat telah mengenal pasti enam *Blueprints* iaitu *Digitalization*, *Great Customer Experience*, *Human Capital*, *SME Value Creation Centre*, *Sustainability* dan *Shariah Leadership* yang akan menjadi kunci utama dalam merealisasikan aspirasi BR25

Blueprint pertama adalah *Digitalization Blueprint*. Bagi menghadapi era digitalisasi, Bank Rakyat akan memanfaatkan teknologi dan data untuk lebih memahami keperluan pelanggan millennial. Rundingan untuk bekerjasama dengan syarikat teknologi akan diperhebat pada tahun 2020.

Blueprint ke-2 merupakan *Great Customer Experience*. Menerusi analisis jangkaan pelanggan pada masa depan, *Great Customer Experience Blueprint* ini akan dijadikan panduan ke arah menyampaikan pengalaman pelanggan terbaik dengan hasil yang paling berkesan.

Human Capital Blueprint adalah *blueprint* ke-3. *Blueprint* ini akan menjadi panduan bagi membina budaya berprestasi tinggi untuk menghasilkan Pasukan Berprestasi Tinggi. Berdasarkan keperluan bagi mencapai pencapaian dalam rangka tindakan ini untuk 5 tahun yang akan datang. Bank akan memberi keutamaan kepada pengambilan bakat yang paling relevan, menambah serta memperkasakan kemahiran warga kerja sedia ada.

Ke-4 adalah *SME Value Creation Centre Blueprint*. Bank Rakyat sebagai agensi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan menjadikan pertumbuhan sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya. Penubuhan *SME Value Creation Centre* menerusi kerjasama dengan pelbagai agensi dalam ekosistem MED, komuniti, koperasi dan organisasi swasta adalah bagi memastikan Visi Kemakmuran Bersama dapat dicapai.



Bank Pilihan Anda

Sustainability Blueprint adalah *blueprint* ke-5 Bank Rakyat. *Sustainability Blueprint* ini mampu merealisasikan *Sustainable Development Goals* (SDG) melalui penubuhan *Centre of Excellence in Sustainable Finance*. *Centre of Excellence* ini akan didedikasikan untuk menjalankan penyelidikan emperikal berasaskan sosio ekonomi yang bakal mempertingkatkan peranan dan sumbangan Bank Rakyat kepada pembangunan negara melalui *Thought Leadership*.

Shariah Leadership Blueprint merupakan *blueprint* ke-6. *Blueprint* ini akan menerapkan nilai perkongsian ini dengan pendekatan kemanusiaan yang juga menyasarkan kepimpinan Bank Rakyat di ruang kewangan Islam antarabangsa.

-TAMAT-